

KUIZ PERIBAHASA

A) Arahan: Baca situasi di bawah dan pilih jawapan yang paling sesuai.

- Hakim cuba membaiki komputer yang rosak namun akhirnya komputer itu tidak dapat digunakan.
 - seperti aur dengan tebing
 - seperti tikus membaiki labu
 - seperti katak di bawah tempurung
 - seperti kerbau dicucuk hidung
- Walaupun Syafiq sering berjauhan dengan keluarganya, hubungan mereka tetap rapat.
 - Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak
 - Yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran
 - Seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing
 - Air yang dicincang tidak akan putus
- Selepas pulang ke kampung, Amir terasa sangat gembira dapat bertemu saudara-mara dan mengimbu kenangan lama
 - seperti ayam kehilangan ibu
 - seperti sirih pulang ke gagang
 - seperti ular kena palu
 - seperti katak di bawah tempurung
- Rina tidak mahu berusaha dalam pelajaran, tetapi dia berharap mendapat keputusan cemerlang.
 - Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang
 - Bagai sirih pulang ke gagang
 - Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
 - Bagai menatang minyak yang penuh

B) Lihat bahan dibawah dengan teliti, Berdasarkan bahan tersebut, tulis dua peribahasa yang sesuai.



1. _____

2. _____

C) Padankan peribahasa di bawah dengan maksudnya dengan betul.

Peribahasa
Carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga
Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi
Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak
Sehari selebar benang, lama-lama menjadi kain
Ukur baju di badan sendiri
Yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran
Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan
Seperti mencurahkan air ke daun keladi
Melepaskan batuk di tangga
Bagai menatang minyak yang penuh

Maksud
Jika tekun dan sabar berusaha pasti akan memperoleh kejayaan
Mengharapkan sesuatu yang tidak pasti, yang ada dibuang
Melakukan sesuatu biarlah mengikut kemampuan diri
Mendidik anak dengan penuh kasih sayang
Memberikan nasihat yang sia-sia
Melakukan kerja tidak bersungguh-sungguh
Perangai ibu bapa yang diwarisi oleh anak-anak
Perselisihan faham antara adik-beradik tidak akan berpanjangan
Kalau sudah terlanjur melakukan sesuatu perbuatan, biarlah beroleh hasilnya
Mengikut keadaan atau adat resam di sesebuah tempat